

PENYAMPAIAN STATUS HADIS DA'IF DALAM KALANGAN GURU TAULIAH DI NEGERI MELAKA: SATU TINJAUAN AWAL

Muhammad Ashraf Shahrulail

Calon PHD Islamiyyat, Jabatan al-Quran & al-Sunnah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Suriani Sudi

Pensyarah Jabatan al-Quran & al-Sunnah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Mohd Khafidz Soroni

Pensyarah Jabatan al-Quran & al-Sunnah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Corresponding Author's Email: ashrafshahrulail89@gmail.com

Article history:

Received : 30 October 2022

Accepted : 14 November 2022

Published : 27 December 2022

ABSTRAK

Guru tauliah merupakan penyumbang terpenting dalam pembangunan pendidikan peringkat akar umbi dalam masyarakat Islam. Namun begitu, terdapat beberapa permasalahan yang ditemui berkenaan dengan penyampaian status hadis dalam kalangan guru tauliah. Tambahan pula kedudukan hadis da'if merupakan sesuatu perkara yang sering diperdebatkan. Maka kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau berkaitan penyampaian status hadis da'if yang disampaikan oleh guru tauliah di masjid dan surau kepada masyarakat. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kajian tinjauan dan lapangan. Ia menggunakan dua instrumen untuk mengumpul data di lapangan sebenar. Instrumen yang digunakan adalah dengan kaedah temubual dan kaedah pemerhatian. Informan yang dipilih berdasarkan kaedah purposive dan relevan. Hasil dari temubual mendapati guru tauliah berbeza pendapat dalam menetapkan status sesebuah hadis diantara da'if ataupun palsu pada hadis yang sama. Selain itu, pengetahuan guru tauliah berkaitan status hadis da'if berbeza di antara mereka dan latar belakang guru tauliah yang berbeza dalam bidang pengajian merupakan antara faktor permasalahan yang berlaku. Justeru, kajian ini mendapati faktor-faktor tersebut menjadi permasalahan yang sering dihadapi oleh para guru tauliah dalam menyampaikan status hadis da'if di masjid dan surau.

Kata kunci: Guru Tauliah, Status Hadis, Hadis Da'if,

DELIVERING OF DHAIF HADITH AMONG COMMISSIONED TEACHERS IN MALACCA: A PRELIMINARY STUDY

ABSTRACT

Commissioned teachers play a vital role in the fundamental development of education in an Islamic community. There are concerns raised on the authenticity of the hadiths delivered by them whilst the status of the dhaif hadiths itself are still being debated. Therefore this study served as an observation of such deliverance made by commissioned teachers to the community that took place in mosques and prayer halls. This qualitative research constitutes both survey and field studies whereby the two instruments used in data collection are interview and observation. Informants are selected based on purposive and relevance methods. The responses gained from the interviews revealed that the commissioned teachers have different views in justifying the authenticity of certain hadiths. Moreover, the difference in understanding of hadith knowledge and personal backgrounds have been identified to also be contributing factors. The tenet to delivering dhaif hadith by commissioned teachers is caused by the aforementioned factors.

Keywords: *Commissioned teachers, hadith status, dhaif hadith*

PENGENALAN

Hadis da'if ialah hadis yang kehilangan salah satu daripada syarat-syarat hadis maqbul. (Nuruddin 'Itr, 1997) Dalam lapangan ilmu hadis, kedudukan hadis da'if merupakan sesuatu perkara yang sering diperdebatkan. (Khader Ahmad & Fauzi Deraman, 2021) Pelbagai permasalahan yang timbul dalam masyarakat akibat daripada tidak mengamati sesuatu isu secara teliti. Sejak dari awal dalam sejarah periwayatan hadis, memastikan ketulenan dan keabsahan hadis menjadi fokus utama para muhaddithin yang muktabar. Ia memang bukan suatu tugas yang mudah. Natiujahnya, perkara tersebut membawa kepada perselisihan pandangan. Justeru, perselisihan turut berlaku di kalangan ulama hadis dalam menentukan status sebahagian hadis. (Khafidz Soroni, 2016). Dalam pada masa yang sama, kita perlu mengambil kira perselisihan pendapat 'ulama hadis dalam menentukan sesuatu hadis. (Hussein 'Abd al-Kadir, 2017).

Antara permasalahan lain adalah berlaku salah faham terhadap al-Sunnah di mana sebahagian masyarakat telah menyamakan hadis da'if dengan palsu. Prof. Dr. Khalil Ibrahim Mula Khair (2005) dalam kitabnya berjudul *Khuṭūrah Musāwāh al-Ḥadīth al-Ḍa'if bi al-Mawḍū'*, beliau menegaskan bahawa orang yang menyamakan hadis da'if dengan mawḍū' ini telah melakukan jenayah ilmiah dan mendatangkan bahaya kepada umat. Menurut 'Awwamah (2017), hadis da'if adalah sesuatu hadis yang berbeza dengan hadis palsu, dan ia perlu diasingkan agar tidak mengelirukan masyarakat yang kurang memahami dalam bidang ilmu agama.

Peranan kelas agama dalam pengajian hadis di Masjid adalah suatu usaha berterusan ke arah mengembangkan islam kepada masyarakat islam dalam menghayati sunnah Rasulullah S.A.W dalam kehidupan mereka serta mengamalkan untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Fungsi hadis dapat menjelaskan permasalahan berkenaan ibadat, mu'amalat, pergaulan sosial dan urusan kehidupan seharian. Keperluan umat islam terhadap pengetahuan ilmu hadis juga tidak boleh dinafikan. Tanpa ilmu hadis, khazanah ilmu islam akan menjadi tempang dan teruk terjejas. Penilaian terhadap status sesebuah hadis amat besar pengaruhnya dalam menentukan amalan dalam masyarakat islam. Kesedaran terhadap mengenal pasti status darjat atau kedudukan hadis dalam kalangan masyarakat juga dilihat semakin meningkat sejak kebelakangan ini.

Kedudukan hadis *ḍa'īf* seringkali menjadi isu dan polemik dalam kalangan penceramah agama dan ahli akademik dari segi penggunaan dan pengamalannya dalam masyarakat. Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa permasalahan yang ditemui berkenaan dengan penyampaian status hadis dikalangan penceramah atau guru agama. Permasalahan yang pertama adalah berkaitan dengan perselisihan dalam menentukan status hadis dikalangan penceramah atau guru agama. Abu Zaki Bin Ismail dalam artikel yang bertajuk *Menangani Konflik Hadis Daif Dan Palsu Dalam Masyarakat Awam: Mengalih Perhatian Kepada Pengajian Hadis Sahih Dan Hasan*, beliau menjelaskan bahawa dalam kalangan penceramah dan penyampai agama pada zaman ini berlakunya pertikaian tentang status hadis yang disebarkan dalam masyarakat. Antaranya adalah mereka berbeza pendapat dalam menentukan sesuatu hadis itu sama ada *mauḍū'* atau *ḍa'īf* pada hadis yang sama. (Abu Zaki, 2017) Perbezaan pemilihan status hadis di kalangan penceramah ini bertepatan dengan kajian dari Wahyu Hidayat yang bertajuk *Amalan Penggunaan Metode Syarah al-Hadith Dalam Pengajian Hadith Institusi Masjid di Daerah Muallim Negeri Perak*. Dapatan dari hasil kajian beliau mendapati, sememangnya terdapat perbezaan pendapat dalam aspek penghuraian status hadis di kalangan tenaga pengajar masjid dan surau. (Wahyu Hidayat, 2018)

Permasalahan yang seterusnya adalah berkaitan pengetahuan dan kefahaman guru tauliah tentang status hadis *ḍa'īf* dan palsu. Shukri Senin (2018) dalam kajian beliau yang bertajuk *Hadith-Hadith Masyhur berkaitan dengan al-Faḍāil al-A'māl: Kajian Kefahaman dan Pengamalannya dalam kalangan guru-guru pendidikan islam di Pasir Gudang*. Dapatan dari kajian ini, beliau mengatakan terdapat sejumlah ramai tenaga pengajar mengamalkan hadith-hadith fadilat yang statusnya adalah *ḍa'īf jiddan* (bersangatan lemah), *mawḍū'* (palsu) dan *la aṣl lah* (tiada asal baginya). Golongan ini tidak mampu mengetahui atau mengenal pasti status hadis-hadith fadilat yang tersebar di kalangan mereka. (Shukri Senin, 2018) Faisal Ahmad Shah menjelaskan lagi, faktor – faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku adalah disebabkan kurangnya penguasaan ilmu hadis secara umum dikalangan penceramah atau ilmuwan islam. (Faisal Ahmad Shah, 2017). Terkadang sikap sebahagian daripada mereka meletakkan status hadis tanpa usul periksa dan kajian terlebih dahulu. Tidak dinafikan sebahagian tenaga pengajar dan penceramah di Malaysia menguasai dalam aspek ilmu

riwayah, namun begitu, penekanan dari sudut ilmu dirayah seperti penelitian sanad, kajian perawi hadis dan penilaian status hadis masih kurang diberi perhatian dikalangan mereka. (Muhammad Dhani, 2014)

Majlis Agama Islam Sarawak dalam satu artikel menyatakan terdapat sebahagian guru tauliah/tenaga pengajar kurang berpengetahuan dalam setiap bidang (Majlis Agama Islam Sarawak 2009). Menurut Faisal Ahmad Shah (2017) guru-guru agama yang bertauliah atau yang tidak bertauliah ini, mereka hanya merujuk kepada kitab-kitab bukan hadis ketika menukilkan hadis sebagai jalan mudah terutamanya yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa melayu. Mereka kurang merujuk kepada kitab-kitab hadis yang muktabar. Perkara ini jelas menunjukkan kelemahan sebahagian daripada mereka dalam menentukan status sesebuah hadis. Kajian Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2008) juga mendapati penguasaan ilmu dalam pengajian agama masih kurang berkesan dalam kalangan guru tauliah. Justeru, kajian ini akan melihat sejauhmana implikasi penyampaian status hadis da'if oleh guru tauliah dapat memberi kesan kepada masyarakat masa kini.

Guru tauliah bermaksud individu yang dibenarkan bagi seseorang warganegara atau bukan warganegara yang dijemput khas oleh Kerajaan Negeri, jabatan atau agensi-agensi untuk memberi ceramah atau kuliah berhubung dengan apa-apa aspek agama Islam dalam program tertentu pada tarikh, masa dan tempat yang ditentukan sahaja. (Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan). Menurut Wahyu Hidayat (2020) guru tauliah agama merupakan individu yang mendapat kebenaran mengajar oleh badan berautoriti di dalam sesebuah negeri seperti Majlis Agama Islam Negeri atau Jabatan Agama Islam Negeri yang diberikan autoriti untuk mengeluarkan dan memberikan tauliah kepada seseorang yang ingin menyampaikan pengajaran agama. (Wahyu Hidayat 2018) Individu yang memberikan ceramah umum, pengajian berkitab, pengajian khas agama, mengajar al-Quran, mengajar fardhu ain merupakan dibawah kategori tauliah. (Enakmen Pentadbiran 2003). Oleh itu, guru tauliah merupakan individu yang penting dalam menyampaikan ilmu agama kepada masyarakat awam.

Pemegang tauliah mengajar agama khususnya dari jabatan Mufti Negeri Melaka boleh mengajar di masjid atau surau di dalam negeri Melaka mengikut kategori tauliah yang diberikan. Mereka juga boleh menentukan kitab yang akan diajar mengikut kemahiran yang ada. Pemegang tauliah mengajar agama tidak diberikan elaun tetapi mereka menerima sumbangan mengikut kadar yang ditetapkan atau atas budi bicara pihak jawatankuasa masjid dan surau yang menjemput pemegang tauliah berkenaan. (Elieza Hana, 2021) Tauliah Mengajar/Kebenaran ini diberi kepada Pemohon atau Penganjur yang layak berdasarkan peruntukan Seksyen 106(3), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 mengikut kategori yang berikut:

- a. Tauliah Mengajar Agama terbahagi kepada dua kategori:
 - i. Kategori A: Bagi seluruh Negeri Melaka; dan
 - ii. Kategori B: Bagi daerah tertentu sahaja.
- b. Tauliah Mengajar Al-Quran bagi seluruh Negeri Melaka.
- c. Kebenaran Berceramah bagi tarikh, tempoh atau masa dan tempat tertentu sahaja.

- d. Kebenaran membaca khutbah bagi tarikh, tempoh atau masa dan tempat tertentu sahaja. (Garis Panduan Tauliah Mengajar Negeri Melaka)

Mengetahui status atau darjat hadis merupakan satu tuntutan yang amat penting pada zaman ini. Menurut kamus dewan bahasa, status bermaksud taraf atau sesuatu kedudukan. (Dewan Bahasa Pustaka) Untuk mengetahui taraf dan kedudukan sesebuah hadis, perlu kita merujuk kepada sumber autoriti yang dinisbahkan kepada Nabi Muḥammad SAW. (Faisal Ahmad Shah, 2017) Antara kepentingan mengenalpasti rujukan hadis ialah:

- a. Mengenalpasti kedudukan letaknya sesebuah hadis dalam sumber-sumber rujukan asal.
- b. Membezakan hadis yang mempunyai asalnya dengan hadis yang tidak mempunyai asal.
- c. Mengenalpasti darjat dan status hadis dari sudut ṣaḥīḥ atau ḍa'īf atau diterima dan ditolak.

LIMITASI KAJIAN

Kajian Institusi masjid dan surau merupakan skop utama dalam kajian ini. Negeri Melaka dipilih dalam kajian ini kerana pengkaji merupakan sebahagian daripada guru tauliah yang dilantik oleh Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) untuk mengajar di masjid dan surau. Sebanyak tiga pengajian hadis dipilih mewakili dua buah masjid dan satu surau yang menjalankan pengajian hadis setiap bulan. Pemilihan masjid dan surau yang mempunyai pengajian hadis ini semuanya di sekitar daerah Alor Gajah. Justifikasi pemilihan masjid dan surau tersebut adalah disebabkan pengkaji seringkali menerima aduan permasalahan tentang isu ilmu hadis terutamanya berkaitan hadis ḍa'īf. Di samping itu, pengkaji juga merupakan tenaga pengajar tetap di masjid dan surau tersebut. Antara masjid yang terlibat dalam kajian ini ialah Masjid al-Muhtadi Ramuan China Besar, Masjid Al-Mujib Kampung Durian Daun Masjid Tanah dan Surau Haji Abu Bakar Yunus Jalan Simpang Kendong. Kajian ini telah dilakukan bagi sepanjang tahun 2021.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kajian lapangan. Ia menggunakan dua instrumen untuk mengumpul data di lapangan sebenar. Instrumen yang digunakan adalah dengan kaedah temubual dan kaedah pemerhatian. Menurut Patton (1990) kaedah pemerhatian dapat menghuraikan secara terperinci tentang situasi, kejadian, interaksi, dan tingkah laku yang diamati di lapangan. Dalam instrumen temubual, pengkaji melakukan temu bual beberapa individu yang terlibat secara langsung bersama guru tauliah sebagai informan.

Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012) orang yang ditemubual ialah responden atau informan yang hidup di lingkungan kehidupan sosial orang yang dikaji. Mereka bertindak sebagai mata-mata atau pemerhati bagi pengkaji serta

menjadi mata dan telinganya di lapangan. Pemilihan ini berdasarkan kaedah purposive dan relevan. Temu bual ini bertujuan untuk mengetahui dengan lebih terperinci berkaitan penyampaian status hadis yang dilaksanakan oleh guru tauliah dalam pengajian hadis di surau dan masjid negeri Melaka. Manakala dalam kajian pemerhatian pula, penyelidik telah menghadiri sesi pengajian hadis yang dijalankan di surau dan masjid terpilih bagi meningkatkan lagi kesahan dan kredibiliti data supaya selari dengan realiti. Kaedah pemerhatian merujuk kepada cara mengumpul data tanpa melibatkan komunikasi secara langsung.

PERBINCANGAN

Dalam kajian ini, informan yang dipilih adalah terdiri daripada individu-individu yang terlibat secara langsung bersama guru tauliah. Informan – informan tersebut terdiri daripada tiga pegawai di Jabatan Mufti Negeri Melaka dan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM). Tiga pegawai tersebut terdiri daripada Pegawai Bahagian Penyelaras Guru Tauliah dan Penyelaras Guru Takmir Daerah Melaka Tengah di Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM). Seterusnya Pegawai Hal Ehwal Islam di Bahagian Fatwa dan Buhuth di Jabatan Mufti Negeri Melaka. Pemilihan mereka sebagai informan adalah disebabkan mereka merupakan individu yang bertanggungjawab dalam melantik dan mengurus hal ehwal guru tauliah sebagai tenaga pengajar sekitar masjid dan surau di negeri Melaka. Informan seterusnya pengkaji telah menemubual tiga pengerusi surau dan masjid sekitar negeri Melaka dan selanjutnya melaksanakan tinjauan di ketiga-tiga surau dan masjid tersebut mengikut masa yang ditetapkan. Justifikasi pemilihan pengerusi sebagai informan pula adalah mereka terlibat secara langsung sebagai pendengar ketika guru tauliah menyampaikan status hadis di masjid semasa pengajian hadis dilangsungkan. Pertanyaan yang akan ditanya kepada keenam-enam informan adalah bagaimana situasi penyampaian status hadis *da'if* dalam kalangan guru tauliah ketika sesi pengajian hadis di surau dan masjid.

Temubual bersama informan 1, 2 dan 3 terdiri daripada pegawai di Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan Jabatan Mufti Negeri Melaka.

1. Informan menjelaskan, terdapat beberapa aduan dari jemaah masjid berkenaan dengan isu status hadis yang disampaikan oleh sebahagian tenaga pengajar di beberapa masjid dan surau sekitar negeri Melaka. Ahli jemaah mengatakan di kalangan tenaga pengajar sendiri, mereka berbeza pendapat dalam menentukan status hadis. Menurut beliau: “... *dua tahun lepas ada beberapa jemaah di salah sebuah masjid di Melaka ini pernah maklum pada saya. Kadang-kadang ustaz yang mengajar ni dia sampaikan status hadis yang sama, tetapi kedua-duanya mmemberikan status hadis yang berbeza. Ada yang kata hadis tu daif dan ada yang kata hadis tu maudu. Dan jemaah tu kata dia keliru dan tidak tahu nak pilih pendapat yang mana sebab kedua-duanya ustaz ...*”. (Informan 1)

2. Menurut informan, tidak semua latar belakang guru tauliah di negeri Melaka mempunyai pengkhususan dalam ilmu hadis dan mempelajari ilmu ulum hadis secara mendalam. Mereka datang dari pelbagai bidang pengajian islam. Menurut beliau: “... *Isu dan masalah tentang penilaian status hadis ni memang ada. Untuk pengetahuan, guru tauliah yang dilantik ini mereka datang dari pelbagai bidang yang berbeza. Ada yang dari bidang syariah, usuluddin, dakwah dan bahasa arab. Berkemungkinan mereka ini bukan dari bidang hadis, jadi pengetahuan mereka dalam ulum hadis tidaklah mendalam seperti guru tauliah cenderung dalam bidang hadis. Tapi kami di jabatan tidak menafikan bahawa asas-asas penguasaan ilmu hadis dikalangan mereka masih ada ...*”. (Informan 2)
3. Menurut informan, wujud satu kekeliruan dalam kalangan guru tauliah berkenaan penggunaan hadis *da'if* terhadap perkara sunat dan harus. Ini kerana dalam pengetahuan mereka, perkara sunat dan harus merupakan sebahagian dari perkara hukum hakam. Menurut beliau: “... *Ada guru tauliah di sini terkadang mereka musykil adakah perkara sunat dan harus itu sebahagian dari pembinaan hukum hakam. Sedangkan dalam perkara hukum-hakam, hadis da'if tidak boleh digunakan. Itu di antara aduan dari sebahagian guru tauliah mengikut pengalaman saya semenjak jadi penyelaras guru takmir di sini. Dari segi huraian makna hadis, mereka masyallah, semuanya mantap...*” (Informan 3)

Temubual bersama informan 4, 5 dan 6 yang terdiri daripada pengerusi surau dan masjid sekitar negeri Melaka.

4. Informan menjelaskan guru tauliah berbeza dalam menentukan status sesebuah hadis yang sama. Informan menjelaskan: “... *Masa waktu kuliah maghrib, ada sebuah hadis yang berbunyi 'Kubur itu merupakan sebuah taman di antara taman-taman syurga atau suatu lubang di antara lubang-lubang di neraka'. Masa diberikan penjelasan berkenaan status hadis tersebut, Ustaz A kata hadis tersebut palsu. Lepastu saya tanya ustaz B pula pada hadis yang sama. Dia kata hadis tersebut hanya da'if sahaja. Saya tidak tahu nak ambil yang mana...*”. (Informan 4) Manakala melalui pemerhatian yang telah dilakukan pula, kajian mendapati dalam sesi pengajian yang dijalankan, perbezaan menentukan status hadis jelas berlaku dalam kalangan guru tauliah. Namun begitu, maksud istilah hadis *da'if* di sisi mereka masih sama dan tiada perbezaan.
5. Informan menjelaskan terdapat perbezaan penerangan berkenaan hadis *da'if*. Sebahagian guru tauliah mengatakan hanya mengamalkan hadis sahih saja. Sebahagian lagi mengatakan hadis *da'if* masih ada lagi ruang untuk diamalkan. Informan menjelaskan: “... *Ada sorang ustaz tu kata, kita semua hanya boleh mengamalkan hadis-hadis yang saħīḥ sahaja dan tidak perlu disibukkan dengan amalan yang datang dari hadis-hadis*

yang lemah. *Ustaz tu kata lagi, dibimbangi sekiranya hadis da'if diamalkan di kalangan masyarakat, mereka boleh terjerumus dalam penerimaan hadis-hadis yang palsu. Tapi ada ustaz lain kata amalan dari hadis da'if masih boleh diamalkan selagi tidak bercanggah dengan syariat ...*". (Informan 5) Manakala melalui pemerhatian yang telah dilakukan pula, kajian mendapati dalam sesi pengajian yang dijalankan, perbezaan kefahaman dan pengetahuan berkenaan pengamalan status hadis dalam kalangan guru tauliah jelas berlaku dalam kalangan guru tauliah. Walaupun begitu, penguasaan sebahagian daripada mereka terutamanya dalam bidang hadis masih di tahap yang baik.

6. Informan menjelaskan, ada guru tauliah mengatakan sebahagian amalan dalam masyarakat bersumber dari hadis *da'if*. Informan menjelaskan: "*...Saya pernah dengar sorang ustaz ni kata amalan seperti membaca surah yāsīn kepada orang yang nazak dan talqin selepas pengebumian semuanya datang dari status hadis da'if. Tapi lain pula dengan sorang ustaz ni. Ustaz tu kata status hadis da'if tidak boleh digunakan dalam hukum-hakam dan akidah...*". (Informan 6) Manakala melalui pemerhatian yang telah dilakukan pula, kajian mendapati dalam sesi pengajian yang dijalankan, perbezaan kefahaman dan pengetahuan berkenaan pengamalan status hadis dalam perkara yang melibatkan hukum memang berlaku dalam kalangan guru tauliah.

Dari keseluruhan jawapan dan maklumbalas yang diberikan oleh keenam-enam informan menunjukkan kepelbagaian bentuk respon dan jawapan. Secara keseluruhannya informan telah berusaha untuk memberikan gambaran sebenar terhadap penyampaian status hadis dalam kalangan guru tauliah semasa sesi pengajian dijalankan.

DAPATAN KAJIAN

Dengan berpandukan kepada keseluruhan analisis dalam kajian. Ini memberikan gambaran awal mengenai situasi penyampaian status hadis *da'if* oleh guru tauliah dalam sesi pengajian hadis di surau dan masjid sekitar negeri Melaka. Dapat dirumuskan beberapa perkara dalam penyampaian status hadis *da'if* yang diamalkan oleh guru tauliah kepada beberapa bahagian iaitu;

- a. Terdapat perselisihan status hadis *da'if* dan *mauḍū'* oleh guru-guru tauliah dalam menentukan status hadis yang sama.
- b. Pengetahuan guru tauliah dalam kefahaman berkaitan pengamalan status hadis *da'if* berbeza diantara mereka.
- c. Sebahagian guru tauliah keliru berkaitan penggunaan hadis *da'if* dalam perkara yang berkaitan sunat dan harus.
- d. Latar belakang guru tauliah yang berbeza dalam bidang pengajian.

Kajian ini mendapati bahawa penguasaan guru tauliah dalam ilmu hadis berada pada tahap yang baik berdasarkan kenyataan informan. Namun begitu,

terdapat perbezaan pendapat dalam menentukan status sesebuah hadis kepada masyarakat dalam kalangan guru tauliah. Ibn Daqīq al-ʿĪd menjelaskan, perselisihan pendapat dalam kritikan hadis bukan sahaja berlaku kepada golongan muhaddithīn, namun terkadang perkara tersebut turut juga berlaku pada golongan fuqahā' (al-Kawtharī, 1998). Percanggahan kritikan status hadis ini mencetuskan polemik berpanjangan dan meninggalkan kesan dalam pelbagai isu yang diperdebatkan oleh umat Islam terdahulu sehingga hari ini (Umar Mohd Noor, 2021).

Menurut Faisal Ahmad Shah (2017) sekiranya terdapat status hadis yang bertentangan di kalangan para 'ulama, maka harus diharmonikan atau ditarjihkan status hadis yang lebih tepat. Antara faktor lain yang membawa kepada perbezaan ini adalah mungkin disebabkan pelbagai fahaman aliran dan manhaj. Dalam kalangan ahli ilmu pada hari ini telah berpecah menjadi beberapa aliran sehingga membawa kepada khilaf dalam penentuan status hadis dan pengetahuan terhadap pengamalan status hadis *ḍa'īf*. Walaupun teknologi pada zaman ini dilihat mudah untuk diselesaikan dalam kajian kritikan hadis, namun para pengkaji hadis masih tidak mampu untuk mencapai kata sepakat berkaitan status hadis. Ini disebabkan kecenderungan mereka terhadap aliran dan kumpulan (Mahmūd Mish'āl, 2007). Perkara tersebut adalah realiti yang tidak dapat dinafikan.

Natijah pertembungan diantara beberapa aliran dan kumpulan tersebut maka timbullah perbezaan kefahaman mereka berkenaan pengamalan status hadis *ḍa'īf*. (Khader Ahmad & Muhammad Adam, 2017) Perbezaan pendapat dari sudut pengamalan status hadis *ḍa'īf* dalam kalangan guru tauliah ini telah disebut oleh Syeikh 'Abd al-Karim al-Khūḍayr (2004) dalam kitab beliau *al-Ḥadīth al-Ḍa'īf wa Ḥukm al-Ihtijāj Bihi*. Beliau menjelaskan bahawa para 'ulama berselisih pandangan pada penerimaan amalan hadis *ḍa'īf* dalam persoalan yang berkaitan hukum-hakam dan *faḍā'il al-a'māl*. Pandangan tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian. Pendapat pertama mengatakan boleh beramal dengan hadis *ḍa'īf* secara mutlak sama ada dalam perkara halal dan haram, fardu dan wajib, *faḍā'il*, *targhīb* dan *tarhīb* dan selainnya. Ini adalah pendapat Imam Abu Hanifah, Imam Malik dan Imam Ahmad.

Pendapat kedua mengatakan bahawa hadis *ḍa'īf* tidak boleh diamalkan secara mutlak pada hukum-hakam, *faḍā'il*, *targhīb* dan juga *tarhīb*. Dikatakan Yahya bin Ma'īn, Imam Bukhari dan Imam Muslim berpegang kepada pendapat yang kedua. Pendapat ketiga merupakan pendapat majoriti ulama yang tidak berhujah dengan hadis *ḍa'īf* dalam halal dan haram tetapi berhujah dalam *faḍā'il*, *targhīb* dan *tarhīb* dengan beberapa syarat. Namun begitu, Syeikh Muḥammad 'Awwāmah tidak bersetuju dengan pendapat yang kedua. Beliau berpandangan bahawa tidak terdapat perkataan yang jelas terhadap penolakan beramal dengan hadis *ḍa'īf* secara total daripada imam-imam terdahulu yang meneladani bidang hadis. ('Awwamah, 2017)

Begitu juga faktor latar belakang pengajian guru tauliah yang berbeza menjadikan isu permasalahan ini berlaku. Menurut kajian yang dilaksanakan oleh Jainah (2020) berkaitan dengan guru agama, perbezaan latar belakang pengajian seseorang guru agama boleh memberi pengaruh dan kesan yang tinggi kepada

ilmu yang akan disampaikan kepada masyarakat. Hasil dari kefahaman pengajian mereka terdahulu, mereka akan aplikasikan kepada pendengar di surau dan masjid. Bertepatan dengan kajian artikel dari Jamaluddin (2017) yang bertajuk *Hadith Di Dalam Masyarakat Islam Singapura*, beliau menjelaskan golongan yang berpendidikan agama di Singapura seperti penceramah, guru – guru bertauliah dan seumpamanya, mereka juga datang dari selain bidang pengkhususan hadis dan kebanyakan dari mereka masih kurang berpengetahuan dalam memahami permasalahan status hadis.

Tambahan lagi, golongan ini kurang prihatin terhadap status sesuatu hadis yang mereka sampaikan sehinggakan apa sahaja yang dikatakan sebagai hadis, mereka jadikan sebagai bahan bicara dalam pengajaran dan pembelajaran. (Fauzi Deraman & Faisal Ahmad Shah, 2011) Wahyu Hidayat (2018) dalam kajian beliau mendapati kebanyakan tenaga pengajar hanya menjelaskan status hadis yang terdapat di dalam kitab yang dibawa dalam pengajian yang dijalankan. Faktor latar belakang pengajian tenaga pengajar merupakan faktor penting dalam aspek ini. Kebiasaannya, apabila seseorang itu belajar dalam bidang syariah islam, dakwah dan kepimpinan, akidah dan falsafah atau selain dalam bidang hadis, maka sukar bagi mereka untuk menguasai bidang hadis lebih mandalam. Sebenarnya, pengkaji tidak melihat isu ini disebabkan kekurangan dan keupayaan penguasaan ilmu yang ada pada guru tauliah yang mengajar, cuma bagi pandangan pengkaji, perbezaan ini hanya dapat dilihat bagaimana mereka aplikasikan pengetahuan ilmu hadis yang mereka miliki lalu disampaikan kepada masyarakat awam yang diajar.

RUMUSAN

Kajian ini merumuskan bahawa pengetahuan guru tauliah dalam memahami takrif hadis *da'if* berada pada tahap yang baik berdasarkan kenyataan informan dan pemerhatian dari pengkaji di lapangan. Namun begitu, terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan guru tauliah dalam memahami dan menyampaikan status hadis *da'if*. Mereka tidak sepakat dalam beberapa aspek seperti menentukan status hadis dan pengamalan hadis *da'if* sama ada dalam perkara kelebihan amal atau hukum fiqh. Beberapa faktor yang mungkin membawa kepada perbezaan pendapat ini ialah latar belakang pengajian mereka. Manakala faktor kemungkinan yang lain ialah perbezaan aliran manhaj yang memberi kesan terhadap polemik ini.

Secara keseluruhannya pengajian hadis melibatkan guru tauliah di masjid dan surau masih lagi boleh diperbaiki dari segi kaedah penyampaian serta pendekatan-pendekatan yang sesuai dengan keadaan semasa dan taraf pemikiran pendengar yang hadir. Perbezaan pendapat dan pandangan adalah perkara biasa yang perlu diraikan. Namun, ada ketikanya perbalahan berlaku disebabkan cetusan pendapat yang berbeza. Sememangnya perbezaan pandangan adalah realiti yang tidak dapat dielakkan di mana sahaja tetapi perbezaan itu sepatutnya menjurus kepada perkara yang sihat, memberi manfaat serta membuka spektrum ilmu lebih luas. Oleh itu, kajian ini penting untuk membuat penilaian dan

mencari titik pertemuan bagi mengharmonikan perbezaan pendapat supaya dapat mendatangkan manfaat kepada masyarakat Islam di Malaysia.

RUJUKAN

- Abu Zaki Ismail. (2017). Menangani Konflik Hadis Daif Dan Palsu Dalam Masyarakat Awam: Mengalih Perhatian Kepada Pengajian Hadis Sahih Dan Hasan. ²ND INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith 2017
- Al-Kawtharī, Muhammad Zahid. (1998). *Maqālāt al-Kawtharī*. Kaherah. Dār al-Salam.
- Awwāmah, Muḥammad, (2017) *Ḥukm al-‘Amal bi al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf*, Jeddah: Dār al-Minhāj.
- Basri Ibrahim. (2010). Perbezaan Pendapat Dalam Perkara Cabang Fiqh: Analisis Terhadap Pandangan Al-Qaradawi. *Jurnal Syariah, Jil. 18, Bil. 1* (2010) 191-228
- Bahagian Fatwa Dan Buhuth. *Garis Panduan Pengeluaran Tauliah Mengajar, Kebenaran Berceramah Dan Membaca Khutbah Jumaat Dalam Negeri Melaka*. Jabatan Mufti Negeri Melaka
- Bahagian Penyelidikan, *Garis Panduan Prosedur, Pengeluaran Tauliah Khas*, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
- Elieza Hana. (2021). *Latar Belakang Guru Tauliah. Negeri Melaka Jabatan Mufti Melaka*. Laporan Bertulis Melalui Surat Rasmi. 19 April 2021/ 7 Ramadhan 1442H.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2014). Pengajian Takmir Masjid di Terengganu: Sambutan Masyarakat Islam. *Jurnal Islam Dan Masyarakat. Jil 1*. 2008. 7 – 21.
- Faisal Ahmad Shah & Fauzi Deraman (2011) *Pengajian Hadith di Nusantara*. Jabatan al-Quran dan al-Hadith. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Kuala Lumpur
- Faisal Ahmad Shah. (2017). *Garis Panduan Sumber Rujukan dan Hukum Hadith*. Jabatan al-Quran dan al-Hadith. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Kuala Lumpur
- Faisal Ahmad Shah. (2017). *Hadis Daif dan Palsu: Realiti Pemakaiannya Di Malaysia*. Universiti of Malaya Press. Kuala Lumpur.
- Faisal Ahmad Shah. (2017). *Kaedah Tepat Memahami Hadis*. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Hussein ‘Abd al-Kadir. (2017). *Pencerahan Dalam Bidang Hadith*. Jabal Maraqy Sdn. Bhd. Kota Bharu. Kelantan.
- Jainah. (2020) *Analisis Kesesuaian Latar Belakang Pendidikan Guru Mata Pelajaran Keagamaan Di Madrasah Ibtida'iyah*. Sarjana Pendidikan. Fakultas Tarbiyah Dan Ilmu Keguruan. Institut Agama Islam Negeri Palangka Raya.
- Jamaluddin Abdul Wahab. (2011) *Isu-Isu Takhrij Di Singapura: Satu Tinjauan Awal*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif*. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012.
- Khadher Ahmad & Fauzi Deraman (2021). *Pendekatan 'Ulum al-Hadith Dalam Menangani Salah Faham Terhadap Sunnah*. Persatuan 'Ulama Malaysia. Shah Alam, Selangor.
- Khader Ahmad & Muhammad Adam Abd Azid. (2017). *Aliran – Aliran Dalam Pengajian Hadith: Faktor Keberadaan Dan Perkembangan Di Malaysia*. Pengajian al-Sunnah al-Nabawiyah. Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Khalīl Ibrāhīm Mullā Khāṭir al-‘Azzāmī, (2005). *Khuṭūrah Musāwāh al-Ḥadīth al-Da'if bi alMawḍū'*, Makalah Seminar Hadith al-Sharīf dan Cabaran-cabarannya Masa Kini Peringkat Antarabangsa, Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab Dubai, 27-29 Mac 2005.
- Mahmūd Ismail Muhammad Mish'al. (2007). *Athar Khilāf al-Fiqhī fi al-Qawā'id al-Mukhtalaf fihā wa Madā Taṭbīqihā fi al-Furū al-Mu'āshirah*. Kaherah. Dar al-Salam
- Maaris bin Rokman. (2021). *Pengesahan Laporan Temubual Berkaitan Pemahaman Status Sesebuah Hadis Dari Masjid al-Muhtadi Ramuan China Besar Melaka*. Laporan Bertulis Melalui Surat Rasmi. 19 April 2021/ 7 Ramadhan 1442H.
- Md Khairul Zaki. (2021). *Perselisihan Status Hadis Di Kalangan Guru Tauliah Negeri Melaka*. Temu Bual di Bahagian Penyelaras Masjid, Jabatan Agama Islam Melaka. 30 Mac 2021
- Mohd. Khafidz Bin Soroni & Abdul Azis Bin Awang Kechik. (2016) *Formulasi Imam 'Abd Al-Hay Al-Laknawi Terhadap Hadis Diperselisihkan Statusnya*. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2016 (Irsyad 2016). Hlm 248 – 260
- Muhammad Azman bin Jamrus. (2021). *Laporan Berkenaan Pengajian Hadis Di Surau Haji Abu Bakar Yunus*. Laporan Bertulis Melalui Surat Rasmi .23 April 2021/11 Ramadhan 1442H.
- Muhammad Dhani. (2014). *Pedoman Ilmu Hadis*. Progressive Publishing House Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Muhammad Mu'adz bin Md Sidin. (2021) *Isu Pengetahuan Hadis Dalam Kalangan Guru Tauliah*. Temu Bual di Pejabat Agama Islam Daerah Melaka Tengah, Jabatan Agama Islam Melaka. 8 April 2021
- Majlis Agama Islam Sarawak, (2009). *Kegiatan Ilmu Agama & Akademik Kurang Menarik Minat Masyarakat*. Data Pendidikan, Perancangan Strategik, Resolusi Muktamar Masjid-Masjid Negeri Sarawak 2009.
- Mohd Shukri bin Mohd Senin & Faisal Ahmad Shah. (2018). *Hadith-Hadith Masyhur berkaitan dengan al-Faḍā'il al-A'māl: Kajian Kefahaman dan Pengamalannya dalam kalangan guru-guru pendidikan islam di Pasir Gudang*. Jurnal Usuluddin 46 (2) 2018: 27-65
- Nuruddīn Al-‘Iṭr, *Manhaj al-Naqd fi 'Ulūm al-Ḥadīth*. Damsyiq: Dār al-Fikr al-Mu'āshir, 1997.

- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods (2nd ed.)*. Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.
- Umar Muhammad Nor. (2021). *Aliran Kritik Hadis Semasa*. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Wahyu Hidayat Abdullah, Mohd Marzuqi Abdul Rahim & Abd Hadi Borham. (2018). *Amalan Penggunaan Metode Syarah al-Hadith Dalam Pengajian Hadith Institusi Masjid di Daerah Muallim Negeri Perak*. Jurnal Teknologi. Sains Humanika. November 2018: 1 - 7
- Wahyu Hidayat Abdullah & Mohamamad Najib Md Norani. (2020) Analisis Aktiviti Pengajian Keagamaan di Institusi Masjid-masjid Negeri Melaka. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. Volume 3, Issue 1, 2020: 119-129